

8. Tuanku telah menghantar tiga perahu membawa 500 gantang beras kepada Datuk Maharajalela pada 6hb November 1875, walaupun beliau diketahui oleh Tuanku sebagai salah seorang daripada mereka yang mengambil bahagian dalam kes pembunuhan Tuan Birch dan dalam kes serangan ke atas rumah Residen British di Bandar Bahru.
9. Tuanku telah membawa peralatan senjata dan peluru dari Batak Rabbit ke Durian Sebatang pada 10hb November 1875 dengan tujuan untuk membantu Datuk Maharajalela melawan pegawai-pegawai British dan menyerang rumah Residen British di Bandar Bahru.
10. Tuanku didapati melindungi Datuk Sagor pada 10 Mac 1876, dan menasihati beliau untuk bersembunyi di hutan, walaupun beliau diketahui oleh Tuanku sebagai salah seorang daripada mereka yang mengambil bahagian dalam kes pembunuhan Tuan Birch.

Butir-butir di atas telah disenaraikan supaya Tuanku diberi peluang untuk memberi keterangan mengenai kes pembunuhan Tuan Birch.

Saya telah diarahkan untuk memberitahu Tuanku bahawa Tuan Yang Terutama Gabenor sedang menunggu jawapan lengkap dari Tuanku dalam bentuk bertulis sebelum 7hb Oktober.

Yang benar

(Tandatangan) John Douglas

DYMM Sultan Abdullah Muhammad Shah
Sultan Perak